

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 18 OGOS 2019

MUKA SURAT: 27

**Georgetown**

### KPKT sasar pilihan raya kerajaan tempatan tiga tahun lagi

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyasarkan pilihan raya kerajaan tempatan akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun lagi.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, dalam tempoh tiga tahun sebelum pelaksanaannya, KPKT akan menghasilkan model dan kertas cadangan lengkap untuk dibentangkan kepada Kabinet.

Sebagai usaha pertama ke arah itu, beliau berkata, KPKT juga akan membentangkan kertas kerja untuk meminda beberapa akta berkaitan kerajaan tempatan pada hujung tahun ini.

"Banyak laporan dan isu perlu dikaji untuk mencari mekanisme terbaik bagi memastikan pilihan raya berkenaan dapat dijalankan.

"Selain itu, kita juga perlu mendidik dan memberi pendedahan kepada masyarakat supaya perkara ini dapat



**ZURAIDA**

dilaksanakan dengan lancar," katanya pada sidang media selepas menghadiri Forum Awam Pilihan Raya Tempatan: Siapa Untung Siapa Rugi di Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), di sini, semalam.

Zuraida berkata, Pulau Pinang juga bakal menjadi negeri pertama bagi pelaksanaan pilihan raya kerajaan tempatan sekiranya ia dibenarkan diadakan secara berperingkat-peringkat.